

## **MYEG kaji perluas pasaran**

(Source - bharian.com.my)

PENYEDIA perkhidmatan E-Kerajaan, My E.G Services Bhd (MYEG) sedang mengkaji untuk mengembangkan pasarannya ke sebarang laut, kata pengerusi eksekutifnya, Senator Datuk Dr Norraesah Mohamad.

Katanya, syarikat itu yang bakal disenaraikan di Kaunter Mesdaq, Bursa Malaysia awal tahun depan sudah memulakan perbincangan dengan beberapa syarikat asing, termasuk Emiriyah Arab Bersatu (UAE) dan Pakistan.

"Kami berharap dapat memasuki pasaran itu dalam masa dua tahun. Setakat ini, perniagaan di sini akan dapat membuat kami sibuk dan penuh kegiatan dalam masa tiga tahun akan datang," katanya pada pelancaran prospektus syarikat itu di Kuala Lumpur, semalam.

Sempena penyenaiaannya, MYEG membuat Tawaran Awam permulaan (IPO) 25.5 juta saham biasa baru 10 sen sesaham pada harga terbitan 55 sen sesaham.

Daripada jumlah itu, sejuta saham akan diperuntukkan kepada orang awam, 23.5 juta saham untuk tawaran persendirian dan bakinya sejuta saham kepada pengarah dan pekerja yang layak MYEG dan anak syarikatnya.

Menerusi IPO itu, MYEG berharap untuk mengumpul RM14 juta, iaitu RM10.8 juta daripadanya digunakan bagi perbelanjaan modal, RM1.4 juta modal kerja dan RM1.8 juta perbelanjaan penyenaiaan.

Norraesah berkata, perkongsian di seberang laut mungkin melalui usaha sama, yang mana MYEG akan mengeksport perkhidmatan e-kerajaannya bagi kegunaan di negara berkenaan.

### **FAKTA NOMBOR Penyenaiaan MYEG**

25.5 juta - Tawaran Awam permulaan saham

10 sen - Harga sesaham